


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-35	Fathir	45	5	Makkiyyah	Ke-43	7



Zaman Diturunkan

Surah Fathir diturunkan di peringkat ketiga kehidupan Rasulullah s.a.w. di Mekah iaitu antara tahun ke-6 hingga ke-10 Kenabian. Pada ketika itu penentangan terhadap seruan Baginda dilancarkan dengan begitu hebat, bahkan perancangan-perancangan jahat juga telah dibuat terhadap Baginda. Di dalam surah ini undang-undang atau sunnatullah dalam memberi balasan baik dan buruk dinyatakan, ancaman kebinasaan dan kemusnahan juga diberikan kepada pemimpin-pemimpin Quraisy yang bongkak.

Perkaitan Surah Fathir Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah Saba', penyembahan terhadap jin dinafikan dan ditolak, di dalam Surah Fathir ini pula penyembahan terhadap para malaikat dinafikan dan ditolak. Kedua-dua surah sama-sama mengisyratkan kepada sikap-sikap negatif yang terdapat pada orang-orang Quraisy yang sombong.
2. Surah Yasin yang akan menyusul nanti menjelaskan sifat jalal Allah terhadap orang-orang musyrikin Mekah, di dalamnya terdapat perincian tentang kekuasaan Allah dalam membinasakan mereka. Kedua-dua surah memberikan ancaman kebinasaan.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Terdapat dengan banyak sekali dalil-dalil tauhid di dalam Surah Fathir.

(a) Setelah menyebutkan ni'mat-ni'mat Allah, manusia dituntut supaya bersyukur. Bagaimana Allah menciptakan air masin dan air tawar dalam dua sifat yang berbeza tetapi di dalam kedua-duanya terdapat bahan-bahan makanan untuk manusia, di dalamnya juga terdapat mutiara-mutiara untuk perhiasan manusia. Di dalam laut dan sungai terdapat banyak sekali perahu dan kapal yang digunakan untuk mencari rezeki Allah yang lain-lain lagi (Ayat: 12).

وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٍ سَائِغٌ شَرَابُهُ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاطٌ وَمِنْ كُلِّ دَكُلُونٍ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ جَلِيَّةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفَلَكَ فِيهِ مَوَازِيرَ لَاتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

(b) Dalil-dalil آفاقي untuk tauhid juga terdapat di dalam surah ini, manusia diseru supaya berfikir tentang air, bagaimana ia dapat menghasilkan buah-buahan beraneka warna. Manusia juga diseru supaya berfikir tentang bukit-bukau, tanahnya juga beraneka warna. Oleh itu manusia hendaklah beriman kepada tuhan yang esa, tuhan yang begitu hebat dan agung kuasanya (Ayat: 27).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَخَرَجْنَا بِهِ زَمْزَرَ تَخْتَلِفُ أَلْوَانُهَا مِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيَضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَعَرَابِيٌّ سُودٌ ﴿٢٧﴾

(c) Manusia juga diseru supaya berfikir tentang kejadian manusia, binatang-binatang dan ternakan-ternakan. Warnanya juga berbeza-beza, tetapi natijah yang betul daripada pemikiran dan kajian yang

dibuat hanyalah akan diperolehi ilmu-ilmuan yang takut kepada Allah (Ayat: 28).

وَمِنَ النَّاسِ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَنُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

(d) Di dalam surah ini juga dinyatakan tentang tauhid iradat, segala rahmat berada di tanganNya, jika Dia membukanya maka tiada siapa yang dapat menahannya dan jika Dia menahannya maka tiada siapa pula yang dapat memberinya. Tuhan Maha perkasa, Maha kuat dan Maha bijaksana (Ayat: 2).

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٩﴾

(e) Di dalamnya juga terdapat dalil-dalil انفسى untuk membuktikan kebenaran tauhid, manusia difahamkan bahawa semua mereka memerlukan Allah, sedangkan Allah pula tidak memerlukan harta dan tidak juga pujian, kerana Dia Maha kaya lagi Maha terpuji (Ayat: 15).

يَتَأْتِيَ النَّاسُ أَنْتُمْ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٣٠﴾

(f) Antara dalil افاقي yang dikemukakan di dalam surah ini untuk membuktikan kebenaran tauhid ialah kenyataan bahawa kuasa Allah jua yang membuatkan langit dan bumi tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya, Allahlah yang memegangnya. Andai kata ia berganjak dan beralih daripada kedudukan sebenarnya ke tempat lain, nescaya tiada siapa pun الله غير (selain Allah) yang dapat menahannya. Allah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun, walaupun Dia Maha Kuasa namun tetap dibiarkannya orang-orang musyrikin untuk seketika, Dia tidak terus menurunkan azab kepada mereka (Ayat: 41).

إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا وَلَئِنْ زَالَتَا إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٣١﴾

(g) Di dalam surah ini juga dinyatakan tentang kekuasaan dan hikmat kebijaksanaan Allah, jika Allah hendak menghukum dan mengazab manusia kerana dosa-dosanya nescaya Dia dapat menghapuskan mereka semua sekali dari muka bumi ini, tetapi Dia membiarkan mereka hingga ke waktu yang ditentukanNya, apabila tiba waktunya maka Dialah yang akan melihat keadaan hamba-hambaNya (Ayat: 45).

وَلَوْ يَوَازِئُ اللَّهُ النَّاسَ بِمَا كَسَبُوا مَا تَرَكَ عَلَى ظَهْرِهَا مِنْ دَابَّةٍ وَلَكِنْ يُؤَخِّرُهُمْ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِ بَصِيرًا ﴿٣٢﴾

(h) Di dalam surah ini juga dinyatakan tauhid kehendak dan pilihan Allah, dalam kehendak dan pilihan Allah jua terletak nasib manusia, Dia dapat membinasakan sekalian manusia dan menggantikannya dengan makhluk yang lain (Ayat: 16).

إِنْ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٣٣﴾

2. Di dalam Surah Fathir juga terdapat penolakan terhadap syirik, surah ini juga penuh dengan penolakan terhadap kesyirikan.

(a) Manusia hendaklah ingat akan ni`mat-ni`mat Allah, mereka ditanya: “Adakah mana-mana **غير الله** yang memberi rezeki kepada kamu? Jika tiada maka kamu hendaklah menerima Allah jua untuk disembah dan ditaati” (Ayat: 3).

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَذْكُرُوا اللَّهَ عَلَيْهِمْ هَلْ مِنْ خَلْقٍ غَيْرِ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ ﴿٣﴾

(b) **الله** diperlekeh dan dicabar supaya menunjukkan apa yang telah diciptakannya, adakah ia telah berkongsi dengan Allah dalam penciptaan sistem langit atau sistem bumi? (Ayat: 40).

أَرَأَيْتُمْ شُرَكَاءَكُمُ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَوَاتِ أَمْ آتَيْنَهُمْ كِتَابًا فَهُمْ عَلَى بَيِّنَةٍ مِنْهُ بَلْ إِنْ يَعِدُ الظَّالِمُونَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

(c) Kepada orang-orang musyrikin dikatakan dengan terus terang bahawa tidak ada apa-apa kemuliaan pada **غير الله**, segala kemuliaan hanya ada pada Allah (Ayat: 10).

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا

Ucapan yang baik dan amalan yang baik jua diterimaNya (Ayat: 10).

إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ

Orang-orang yang merancang keburukan terhadap Rasulullah dan orang-orang Islam akan mendapat azab yang dahsyat dan segala perancangan jahat mereka akan gagal (Ayat: 10).

وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

(d) Perbandingan di antara Allah dan **الله** dikemukakan, Allah dapat memasukkan siang ke dalam malam dan memasukkan malam ke dalam siang, Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, Dialah yang menjaga dan memelihara manusia, Dialah yang mempunyai kerajaan alam semesta. **الله** pula tidak mempunyai apa-apa kuasa dan pilihan, oleh itu manusia hendaklah menyeru dan berdoa hanya kepada Allah (Ayat: 13).

ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

(e) Di dalam Surah Fathir juga terdapat penolakan dan penafian terhadap hak syafa`at yang diadakan oleh manusia, kerabat terdekat pun tidak berguna apa-apa kepada seseorang di hari kiamat kelak, setiap orang memikul dosanya sendiri (Ayat: 1[^]).

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَإِنْ تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ جُنْدٍ لَّا يُحْمَلُ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ

(f) Amaran kepada orang-orang musyrikin dan pembesar-pembesar mereka yang sombong dan angkuh, mereka hendaklah ingat pelajaran dari sejarah. Berbagai-bagai perancangan jahat telah dibuat terhadap rasul-rasul yang diutuskan, tetapi akibat buruk daripada perancangan jahat itu mengenai perancang-perancangnyanya sendiri, mereka tetap akan binasa. Itulah sunnatullah, adakah orang-orang kemudian juga menunggu azab dan kebinasaan (sebagaimana yang telah menimpa orang-orang kafir yang telah lalu? (Ayat: 42-43).

مَا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ۚ اسْتِكْبَارًا فِي الْأَرْضِ وَمَكْرَ السَّيِّئِ وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ السَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِ ۚ فَهَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ الْأَوَّلِينَ ۚ فَلَن نَّجِدَ لِسُنَّتِ اللَّهِ تَبْدِيلًا وَلَن نَّجِدَ لِسُنَّتِ اللَّهِ تَحْوِيلًا ۚ

3. Dalil adanya akhirat.

Allah melepaskan angin lalu angin membawa awan ke tanah yang mati kemudian menyiraminya, maka hiduplah tanah itu. Begitulah Allah menghidupkan orang yang mati (Ayat: 9).

وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْتُهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ كَذَٰلِكَ النُّشُورُ ۝

4. Perbezaan di antara orang kafir dan orang mu'min juga dinyatakan dalam surah ini.

Orang mu'min hidup, dia mendengar seruan al-Qur'an, orang kafir pula mati kerana kedegilan dan kesombongannya, dia tidak dapat mendengar kebenaran. Walaupun mereka mempunyai telinga tetapi mereka tetap tuli (Ayat: 22).

وَمَا يَسْتَوِي الْأَحْيَاءُ وَلَا الْأَمْوَاتُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَاءُ ۚ وَمَا أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِي الْقُبُورِ ۝

5. Berhubung dengan kekuasaan di bumi, tiga sikap manusia dikemukakan di dalam surah ini.

(a) Jawatan kepemimpinan dilucutkan daripada orang-orang Yahudi, dan rasul terakhir diutuskan dari kalangan Bani Isma'il, lalu terdapat tiga golongan di kalangan Bani Isma'il, golongan pertama ialah golongan yang menzalimi diri sendiri, golongan yang kedua memilih jalan pertengahan dan golongan yang ketiga pula terkedepan dalam perkara-perkara kebajikan dan kebaikan. Golongan ketiga inilah yang terbaik (Ayat: 32).

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۖ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّ اللَّهَ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ۝

(b) Allah s.w.t. telah menjadikan manusia khalifah di bumi, setelah itu kalau ada orang yang kafir maka akibat buruknya menimpa dirinya sendiri, kekufurannya semakin menambahkan kerugian kepadanya (Ayat: 39).

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ ۖ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ ۖ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا مَقْتًا ۚ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٦﴾

﴿٦﴾

6. Manusia diperintah supaya menjadikan Iblis dan syaitan sebagai musuh.

Dinyatakan kepada manusia bahawa Iblis dan syaitan adalah musuhnya, Iblis dan pasukannya mahu manusia masuk neraka, kerana itu manusia hendaklah menganggap Iblis dan syaitan sebagai musuhnya.

(Ayat: 6).

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿٦﴾

7. Rasulullah s.a.w. ditenangkan dengan diberitahu bahawa rasul-rasul terdahulu juga telah didustakan.

Ini bukan perkara baharu, tetapi segala keputusan kembali kepada Allah jua:

(Ayat: 4)

وَأَن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ رُسُلٌ مِن قَبْلِكَ ۖ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿٤﴾

(Ayat: 25-26)

وَأَن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ ۖ وَالزُّبُرِ ۖ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ أَخَذْتُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٢٦﴾

﴿٢٦﴾